

## PERSEPSI BAKAL GURU TERHADAP KERJAYA, PERANAN DAN BEBAN TUGAS PROFESION PERGURUAN MASA KINI

*(Teachers' Perception of the Current Career, Role and Tasks of the Teacher Profession)*

### **NUR HIDAYAH HISHAM**

Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
[nurhidayahhisham@gmail.com](mailto:nurhidayahhisham@gmail.com)

### **NORFAIZAH ABDUL JOBAR\***

Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
[norfaizah.aj@fbk.upsi.edu.my](mailto:norfaizah.aj@fbk.upsi.edu.my)

### **ABDUL RASID JAMIAN**

Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
[rasid.jamian@fbk.upsi.edu.my](mailto:rasid.jamian@fbk.upsi.edu.my)

### **MARINI NORZAN**

Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
[normarini@fbk.upsi.edu.my](mailto:normarini@fbk.upsi.edu.my)

#### **Dihantar pada:**

8 April 2021

#### **Diterima pada:**

02 Ogos 2021

#### **Koresponden:**

[norfaizah.aj@fbk.upsi.edu.my](mailto:norfaizah.aj@fbk.upsi.edu.my)

**Abstrak:** Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti persepsi bakal guru terhadap kerjaya sebagai guru; mengenal pasti persepsi bakal guru terhadap peranan sebagai guru; dan mengenal pasti persepsi bakal guru terhadap beban tugas sebagai guru. Seramai 95 orang pelajar UPSI yang sedang mengikuti pengajian dalam bidang Pendidikan Bahasa Melayu dipilih sebagai responden kajian dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Kajian ini dilaksanakan dengan berpandukan Teori Aktiviti Budaya dan Sejarah. Instrumen yang digunakan untuk menyelesaikan kajian ini ialah soal selidik. Soal selidik yang disediakan terbahagi kepada tiga aspek, iaitu kerjaya, peranan dan beban tugas. Data soal selidik dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif. Keputusan kajian ini mendapati bahawa pelajar sangat positif terhadap profesion perguruan. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan responden mempunyai pengetahuan berkenaan kerjaya, peranan dan beban tugas profesion perguruan pada masa kini. Kajian ini dapat memberi gambaran umum kepada pembaca berkenaan persepsi bakal guru yang akan menceburti bidang pendidikan pada masa akan datang.

**Kata Kunci:** Persepsi; bakal guru; profesion perguruan; peranan; beban tugas

**Abstract:** This study was conducted to identify prospective teachers' perceptions of career as a teacher; identify prospective teachers' perceptions of their role as teachers; and identify prospective teachers' perceptions of the workload as a teacher. A total of 95 UPSI students who are studying in the fields of education Malay selected as respondents using purposive sampling. This study was conducted based on the Theory of Cultural and Historical Activities. The instrument used to complete this study was a questionnaire. The questionnaire provided is divided into three aspects, namely career, role and workload. Questionnaire data were analyzed using descriptive statistical methods. The results of this study found that students are very positive about the teaching profession. In addition, the findings of the study also show a high level of readiness of students to pursue a career as a teacher. In conclusion, the teaching profession is a field of work that should not be taken lightly. This is because the responsibilities and trusts given need to be borne as best as possible in order to drive the development of national education in a more perfect direction.

**Keywords:** Perception; prospective teacher; teaching profession; role; workload

## PENGENALAN

Guru adalah insan yang istimewa dan terpilih untuk mewariskan ilmunya kepada insan lain. Tanpa guru, seseorang bahkan terlihat seperti hilang tempat pergantungan untuk menagih ilmu. Guru bertanggungjawab untuk mendidik dan membangunkan modal insan pelajar di sekolah. Untuk itu, para guru terutamanya bakal guru dan guru novis perlu memiliki kemahiran dan keupayaan menjadi seorang yang profesional dan pakar dalam bidangnya (Zamri & Anita 2020). Selaras dengan perubahan peranan pendidik, guru harus lebih inovatif, kreatif dan efektif dalam penyampaiannya serta sentiasa memikirkan pendekatan baharu untuk mengadaptasikan amalan mereka dengan kehendak pelajar sebagai *knowledge worker* dalam era revolusi maklumat abad ke-21 (Nor Hadibah 2020). Segala perancangan pendidikan yang telah disediakan akan terbengkalai begitu sahaja sekiranya tiada penglibatan dan sokongan daripada kaum guru (Saerah dan Mohammed Sani 2012). Oleh sebab itu, ibu bapa memberikan sepenuh kepercayaan kepada guru untuk mendidik anak-anak mereka menjadi seorang anak yang berguna, berjaya dan meletakkan harapan agar anak-anaknya akan membawa kejayaan kepada keluarga. Tidak semua orang sanggup untuk menggalas tanggungjawab dan amanah menjadi seorang guru. Sebagai guru, seseorang itu perlu rela hati, bersedia dan sanggup untuk mempelajari ilmu sepanjang hayatnya. Hal ini turut diperkatakan oleh Zamri et al. (2011), dalam menentukan kesediaan, seseorang guru perlu menerima dan melaksanakan sesuatu perubahan, pengetahuan dan sikap merupakan elemen yang cukup signifikan.

Salah satu syarat untuk bergelar guru adalah individu tersebut perlu tamat mengikuti kursus perguruan, sama ada pada peringkat diploma atau ijazah dalam bidang pendidikan (Abdullah et al. 2019). Selain itu, individu tersebut juga perlu memahami dan menguasai pelbagai aspek dalam penyerapan pengajaran dan pembelajaran (PdP) sebagai satu asas sebelum memasuki area pendidikan. Bakal guru perlu menguasai kemahiran abad ke-21 dalam bilik darjah. Makaramani (2015), menyatakan pengajaran guru menunjukkan hubungan yang kuat dengan hasil kemahiran abad ke-21. Justeru, guru yang baik adalah guru yang bersedia mengikuti prosedur perguruan dan sentiasa berdisiplin untuk menjadi seorang guru yang bertauliah.

Peningkatan jumlah pekerjaan ekoran pertumbuhan ekonomi mendedahkan rakyat dengan pilihan pekerjaan yang lebih luas. Hal ini menyebabkan pilihan kerjaya guru semakin menurun. Malah, terdapat segelintir masyarakat yang beranggapan bahawa profesion perguruan ini lebih sesuai diceburi oleh golongan wanita kerana kerjanya yang lebih mudah, waktu berkerja lebih singkat dan cuti yang panjang berbanding profesion lain. Menurut Aflit Nuryulia (2014) menyebut bahawa minat mempengaruhi daya usaha. Sekiranya seseorang itu mempunyai minat dan rasa kecintaan yang mendalam dalam bidang perguruan, ia tidak akan menjadi alasan kepada untuk menceburi profesion ini. Selain minat, tahap motivasi yang tinggi juga penting sebagai persediaan guru menghadapi cabaran pembelajaran abad ke-21. Bryan (2010) dan Siregar (2011) mendefinisikan motivasi sebagai tenaga yang terkuat dalam diri individu dalam melaksanakan sesuatu dan mencapai sesuatu tujuan individu ataupun organisasi.

Kini, segalanya sudah berubah profesion perguruan tidak sama lagi seperti dahulu. Peredaran zaman telah menghambat perubahan dalam arena pendidikan dari segi sistem pendidikan, jadual kerja, bidang tugas, cabaran, beban tugas dan sebagainya. Tambahan pula, reformasi dan pembaharuan kurikulum dan kurikulum sekolah dari semasa ke semasa telah mengheret guru berhadapan dengan pelbagai tugas yang mencabar, berat, dan menguji kesabaran sehingga mereka merasa rasa terbeban dengan tugas-tugas tersebut (Arzizul & Dg Norizah 2018). Oleh itu, profesion perguruan tidak lagi harus dipandang mudah sahaja kerana guru hari ini berhadapan pelbagai cabaran dalam dunia pendidikan yang semakin rencam. Mazura dan Wak (2018) menyatakan sebanyak 80% guru di sekolah tidak mempunyai pengetahuan yang baik tentang PdP terbeza. Hal ini memberikan petunjuk kepada bakal guru agar bersedia dengan pelbagai pendekatan dalam PdP, ditambah pula akibat penularan pandemik COVID-19 yang sedang melanda negara. Dengan demikian, bakal guru perlu bersiap sedia dengan segala kemungkinan apabila bergelar guru kelak.

Hakikatnya, pemilihan profesion perguruan mesti didasari oleh minat dan keazaman yang tinggi serta penetapan matlamat yang jitu untuk menempa kerjaya bidang ini. Perkara ini bertepatan dengan pandangan Aflit Nuryulia (2014) bahawa minat akan mempengaruhi daya usaha. Bidang perguruan memperlihatkan peranan

guru sebagai pemangkin pembangunan negara. Oleh itu, guru perlu mengetahui kebolehan murid dalam menerima pelajaran, memberi motivasi kepada murid serta mengawal tingkah laku murid (Aniza & Zamri 2015). Setelah menerima mandat sebagai guru, secara tidak langsung mereka diberikan suatu amanah yang besar untuk mendidik generasi baharu.

Oleh yang demikian, kesediaan diri sahaja tidak cukup untuk menjadi guru yang profesionalisme, bakal guru pada asasnya perlu mempunyai pendedahan, pemahaman dan pengetahuan tentang kerjaya, tugas dan beban tugas yang bakal diharungi. Hal ini bertujuan memastikan agar guru sentiasa berketerampilan unggul, berwawasan, berinovasi dan bersahsiah tinggi. Dengan demikian, kajian ini akan menelusuri persepsi bakal guru terhadap kerjaya, peranan dan beban tugas yang menjadi topik utama masa kini.

## PENYATAAN MASALAH

Tanggapan terhadap profesi perguruan hari ini sudah jauh berbeza jika dibandingkan suatu masa dahulu. Kini, penggunaan teknologi sudah tidak asing lagi dengan pengajaran guru. Pendidikan hari ini menuntut guru agar lebih peka serta mempertingkatkan kemahiran berteknologi seterusnya mengaplikasikannya dalam setiap pengajaran. Hal ini selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013), iaitu perubahan secara besar-besaran di mana guru sebagai agen dalam membantu meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia (Mohd Aizat & Kamarudin 2020). Sebagai persiapan, bakal guru perlu memacu perkembangan diri dengan lebih baik terutamanya dari segi pembangunan profesionalisme perguruan dalam diri.

Menurut Nor Hasnida dan Effendi (2014), pembangunan guru dalam profesiannya dapat menambah ilmu, kemahiran dan sikap sebagai ahli akademik untuk mencapai kecemerlangan diri dan masyarakat. Kajian oleh Norazlinda dan Surendran (2019) berkenaan kelestarian pembangunan profesionalisme guru dalam pembelajaran sepanjang hayat mendapati bahawa latihan dan pembangunan profesionalisme amat penting bagi membantu meningkatkan prestasi pengajaran guru seterusnya menjamin kerjaya yang lebih berkualiti. Persiapan sebagai guru perlu dibekali dengan ilmu pengetahuan. Hal ini demikian kerana

profesionalisme perguruan memerlukan seseorang guru tersebut mempelajari sepanjang hayat.

Selain itu, cabaran PdP abad ke-21 memberikan satu tampanan besar kepada bakal guru. Oleh itu, persiapan yang rapi dari segi mental dan fizikal perlu dilakukan sebelum memasuki arena pendidikan. Salah satu perkara utama yang harus dilakukan adalah menanamkan rasa minat yang mendalam sebagai pendidik. Nescaya dengan adanya minat tersebut, segala beban yang digalas pasti dapat diatasi. Ciri-ciri penting yang perlu ada atau dimiliki oleh setiap guru mahupun bakal guru ialah minat yang penuh terhadap keseluruhan tugasnya baik di sekolah mahupun melibatkan warga luar sekolah (Sidek, 2011). Hasil kajian oleh Ros Eliana dan Norhanan (2017) tentang faktor minat guru pelatih dalam bidang perguruan pendidikan teknik dan vokasional menyatakan beberapa faktor yang mendorong minat guru pelatih dalam dunia perguruan. Antaranya ialah pengalaman guru pelatih di sekolah berjaya mempengaruhi minat terhadap kerjaya guru, terinspirasi dengan guru mereka, hendak memakai baju seperti guru mengidolakan guru sejak sekolah, rasa ingin membantu murid-murid yang tidak minat belajar dan sebagainya. Jelasnya, hasil dapatan kajian ini memberikan gambaran jelas bahawa minat terhadap profesi perguruan ini mendorong pemilihan kerjaya sebagai guru.

Di samping itu, isu berkenaan guru dibebani dengan tugas-tugas tambahan yang memberikan tekanan kepada guru turut menjadi bualan. Peningkatan beban tugas dalam tempoh waktu yang terbatas dan kekurangan sumber menyebabkan ramai guru membuat keputusan memilih bidang pekerjaan yang lain (Crotwell, 2011). Peranan guru sebagai pendidik bukan sahaja perlu melaksanakan tugas hakiki iaitu, mengajar di dalam kelas, bahkan juga menguruskan aktiviti kokurikulum, hal ehwal murid, pentadbiran dan pengkeranian serta kerja-kerja tambahan lain yang perlu dibuat mengikut keperluan semasa (Zuhaili Mohd & Ramlee 2017).

Selain itu, hasil kajian yang dijalankan oleh Norashid dan Hamzah (2014), tentang beban tugas dan motivasi pengajaran guru di sekolah menengah Daerah Ranau mendapati beban tugas guru dibahagikan kepada dua, iaitu aspek akademik dan bukan akademik. Beban tugas akademik dikelaskan pula kepada tiga komponen, iaitu tugas mengajar harian, tugasan pelajar dan tugas ujian serta peperiksaan. Bagi beban tugas bukan akademik pula dibahagikan kepada urusan

pentadbiran, pengurusan hal ehwal pelajar dan urusan kokurikulum.

Banyak isu yang diamukkan dalam dunia sekarang melibatkan persoalan etika. Oleh itu, tidak dinafikan bahawa golongan pendidik turut menjadi sasaran kepada kritikan masyarakat sejak akhir-akhir ini. Komitmen golongan ini sering dipersoalkan seolah-olah mereka tidak menjalankan tugas dengan seperti mana yang diarahkan. Apabila banyak isu yang dibangkitkan menyebabkan beberapa pihak menganggap bahawa masalah ini berpunca daripada etika guru tersebut. Hal ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Nurlina et al. (2018) mengenai etika dan tanggungjawab pendidik dalam profesion perguruan dan cabaran pendidik masa kini. Jika diperhatikan profesion perguruan sudah lagi tidak digilai oleh masyarakat kerana kekangan-kekangan yang dihadapi pada masa kini. Terdapat juga ramai guru yang mula mengeluh dengan beban tugas yang semakin bertambah. Hal ini menyebabkan ramai guru yang memohon persaraan awal kerana faktor tekanan kerja dan perasaan ketidakpuasan hati dalam bekerja dalam kalangan guru.

Chaudhry et al. (2011) mendapati terdapat hubung kait antara beban tugas dengan tingkat prestasi kerja. Penambahan beban tugas mengakibatkan guru berasa tidak bersemangat dan secara tidak langsung mencacatkan prestasi kerja guru tersebut. Hasil kajian yang dilakukan oleh Evonne et al. (2018) mendapati sekolah yang mempunyai keadaan persekitaran yang baik menyumbang kepada kemenjadian pencapaian pelajar. Kejayaan ini dikaitkan dengan sumbangan guru yang menunjukkan prestasi kerja yang baik hasil dorongan persekitaran tempat kerja. Hal ini secara tidak langsung akan menjaskan kualiti pendidikan dan profesion perguruan seterusnya membantutkan usaha melahirkan warganegara yang cemerlang dalam sudut pendidikan.

Profesion perguruan merupakan salah satu profesion yang penting dalam negara. Hal ini demikian kerana pendidikan merupakan tunjang kepada perkembangan generasi yang membawa pembangunan kepada negara. Dengan demikian, pemahaman terhadap profesion perguruan ini akan membantu menaikkan mutu perkhidmatan guru serta melahirkan guru-guru yang mempunyai kredibiliti, akauntabiliti dan sahsiah yang terpuji. Secara amnya, guru merupakan agen penggerak kepada sesebuah institusi pendidikan kerana memainkan peranan utama sebagai penyampai

ilmu dan pengetahuan seterusnya sebagai ukuran kemajuan sesebuah masyarakat

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini mengklasifikasikan objektif kepada tiga fokus utama iaitu:

1. Mengenal pasti persepsi bakal guru terhadap kerjaya sebagai guru.
2. Mengenal pasti persepsi bakal guru terhadap peranan sebagai guru.
3. Mengenal pasti persepsi bakal guru terhadap beban tugas guru.

## **METODOLOGI**

### **Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian merupakan prosedur pengumpulan data yang bertujuan untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan hasil daripada objektif kajian yang terbina. Kajian ini merupakan satu bentuk tinjauan di suatu tempat yang melibatkan guru pelatih di Universiti Awam yang sedang mengikuti kursus perguruan. Kriteria guru pelatih ini ialah pelajar yang telah menjalani latihan mengajar dan program perantis guru kerana pengkaji ingin mendapatkan persepsi sebenar mereka berdasarkan pengalaman yang sudah ditempuhi. Kajian ini dibuat untuk mendapatkan maklumat ataupun persepsi guru pelatih berkenaan kerjaya, tugas dan beban tugas profesion perguruan masa kini. Proses pengumpulan maklumat dilakukan dengan menggunakan borang soal selidik yang diedarkan melalui *Google Form*.

### **Lokasi Kajian**

Kajian ini dijalankan di sebuah institusi pendidikan, iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak. Lokasi kajian ini dipilih kerana mendapat sokongan dan kerjasama daripada sampel kajian dan pihak Universiti tersebut. Selain itu, UPSI menjadi pilihan pengkaji untuk mendapatkan data kajian kerana menepati dengan ciri-ciri yang dikehendaki, iaitu UPSI merupakan salah satu universiti yang melahirkan generasi pendidik. Secara tidak langsung, memudahkan kajian untuk mendapatkan responden yang sedang mengikuti kursus dalam bidang pendidikan. Tambahan pula, pelajar yang terlibat sebagai responden memberikan kerjasama yang baik sepanjang proses pengumpulan data kajian dilakukan.

## Responden Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Kaedah ini digunakan kerana kajian bebas untuk menentukan responden yang sesuai dengan tujuan kajian. Menurut Mohd. Najib (1999), sampelan bertujuan apabila pengkaji sengaja memilih sampel dengan tujuan mendapatkan jumlah sampel yang mewakili populasi. Oleh yang demikian, kajian ini meletakkan kriteria responden yang terdiri daripada pelajar pengajian bahasa Melayu yang sudah menjalani Latihan Mengajar dan Program Perantis Guru sahaja, maka kaedah persampelan bertujuan ini difikirkan sesuai dengan keperluan kajian. Seramai 95 orang pelajar program bahasa Melayu, iaitu 16 orang lelaki dan 79 orang perempuan terlibat sebagai sampel kajian. Responden kajian merupakan pelajar daripada satu bidang sahaja kerana kajian meletakkan fokus untuk melihat persepsi guru pelatih terhadap profesi perguruan mewakili satu bidang pengajian.

## Kaedah Pengumpulan Data

Sepanjang proses pengumpulan data, dua kaedah dimanfaatkan. Dua kaedah tersebut adalah kaedah kepustakaan dan kaedah soal selidik. Kaedah kepustakaan digunakan untuk merujuk sumber bertulis daripada kajian lalu. Menurut Mohd Shaffie (1991), kajian kepustakaan merupakan kaedah yang digunakan oleh seseorang penyelidik atau penulis untuk mendapat data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod-rekod yang sedia ada. Antara sumber rujukan utama kajian ialah buku akademik, disertasi, jurnal dan sebagainya. Tujuannya sumber rujukan digunakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian yang dilakukan. Di samping itu, kajian-kajian lepas dan pendapat tokoh diteliti bagi melihat cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan seterusnya meningkatkan mutu penulisan kajian.

Kaedah soal selidik dipilih atas faktor kesesuaian kajian yang dilakukan. Kaedah ini bagi mengumpul data responden kerana soal selidik dapat diaplikasikan untuk mengukur sikap dan pendapat orang, selain untuk mendapatkan bilangan data yang sangat besar terlalu sukar sekiranya menggunakan kaedah kualitatif (Nardi 2018). Menurut Check dan Schutt dalam Mispuah (2015), kajian tinjauan melibatkan pengumpulan maklumat yang diperoleh daripada sampel atau

individu melalui respons daripada soal selidik yang diberikan.

Pengaplikasian kaedah kajian ini bertujuan memberi gambaran sebenar kepada pengkaji tentang realiti yang berlaku dalam arena pendidikan negara. Kajian telah memproduksikan satu set borang soal selidik untuk diberikan kepada responden yang terlibat. Bagi mengelakkan sebarang masalah sepanjang proses pengutipan data, kajian telah mengubah suai borang soal selidik kepada bentuk pautan *Google Form*. Tujuannya adalah untuk memudahkan responden menjawab borang soal selidik walaupun di mana-mana responden berada.

## Instrumen Kajian

Instrumen merupakan alat yang digunakan oleh penyelidik bagi mendapatkan data kajian. Oleh itu, pemilihan instrumen kajian yang sesuai amat penting bagi menjamin keberhasilan dalam mencapai objektif dan persoalan kajian. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik yang dijelmakan dalam bentuk pautan *Google Form*. Soal selidik yang dibina telah diadaptasikan daripada kajian terdahulu, iaitu kajian oleh Abdul Rahim et al. (2011). Beberapa item telah diubah dan disesuaikan dengan kajian yang dijalankan.

## Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Menurut Mohamad Najib (1999), sebelum kajian sebenar dijalankan, kajian rintis perlu dilakukan dengan menggunakan sampel yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi yang hendak diuji. Oleh itu, kajian telah mengedarkan borang-borang soal selidik yang telah disediakan kepada 10 orang guru pelatih yang mengambil jurusan bahasa Melayu, UPSI. Tindakan ini bertujuan untuk mendapatkan kepastian sama ada soalan yang dibina baik atau perlu ditambah baik pada mana-mana bahagian.

## Analisis Data

Setelah mendapatkan respons, borang-borang tersebut dikumpulkan untuk tujuan analisis. Berpandukan data yang diperoleh, kajian menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science* (SPSS) versi 26. Dalam kajian rintis ini, item persepsi memperoleh nilai alfa *Cronbach's α* yang diperoleh ialah 0.845. Weiner (2007) menyatakan nilai yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi untuk Alpha

Cronbach adalah sama dengan atau melebihi 0.70. Ini bermakna soal selidik yang dibina mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi kerana nilai kesahan melebihi 0.8 dan boleh diaplikasikan dalam kajian sebenar.

Setiap dimensi di dalam soal selidik mewakili di antara 11 item hingga 12 item, iaitu dimensi pertama sebanyak 12 item untuk kerjaya sebagai guru, dimensi kedua sebanyak 11 item untuk peranan sebagai guru dan dimensi ketiga, iaitu 10 item untuk beban tugas sebagai guru. Semua item dipengaruhi oleh skala likert. Item-item yang terkandung di bahagian A telah diubah suai daripada bahagian A: Maklumat Demografi Responden pelajar sekolah menengah oleh Azita (2012). Pada Bahagian B (persepsi bakal guru terhadap kerjaya guru), skala yang diperuntukkan hanya dua, yakni Setuju dan Tidak Setuju sahaja.

Skala ini diilhamkan oleh Skala Guttman untuk mengukur skor persepsi bakal guru. Apabila diinginkan jawaban yang tegas, seperti ya atau tidak, pernah atau tidak pernah, positif atau negatif, dan lain-lain maka Skala Guttman merupakan instrumen yang dapat kita gunakan. Data yang diperoleh dengan penggunaan skala ini adalah data interval atau rasio dikotomi (dua alternatif) sehingga akan didapatkan dua interval (Torgerson 1958). Pendapat ini turut disokong oleh Iskani (2017) bahawa Skala Guttman digunakan untuk mendapatkan jawapan yang tegas antara setuju atau tidak setuju kepada soalan yang disediakan.

Pada Bahagian C dan Bahagian D terdiri daripada lima skala likert, Iaitu Sangat Setuju, Setuju, Tidak Pasti, Tidak Setuju dan Sangat Tidak Setuju. Sakaran (2003) menyatakan skala Likert adalah terbaik kerana berupaya mengeluarkan tindak balas yang berkaitan dengan tujuan pengkaji. Soalan jenis skala likert atau diklasifikasikan kepada jenis soalan terbuka ini lebih sesuai untuk mendapatkan pandangan atau pendapat berkaitan aspek yang dikaji (Azizi et al. 2010).

Seterusnya, segala data responden dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS)* versi 26 untuk mendapatkan jumlah kekerapan dan peratusan. Oleh yang demikian, kajian tertumpu kepada tinjauan persepsi, maka kaedah deskriptif amat sesuai digunakan untuk mendapatkan ukuran ataupun gambaran berkaitan keadaan ataupun ciri populasi (Azizi Yahaya et.al 2010).

## DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini akan mengupas tiga objektif kajian, iaitu mengenal pasti persepsi bakal guru terhadap kerjaya sebagai guru, mengenal pasti persepsi bakal guru terhadap peranan sebagai guru dan mengenal pasti persepsi bakal guru terhadap beban tugas guru. Dapatkan kajian dijelmakan dengan menggunakan kaedah penjadualan sebagai medium untuk mempersemprehankan data kajian.

### Demografi Responden

Setelah proses penganalisaan dijalankan, kajian berjaya memproduksikan jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini, iaitu seramai 95 orang atau 100% pelajar pengajian bahasa Melayu. Analisis Bahagian A dipersembahkan dalam bentuk jadual yang mempunyai frekuensi (*f*) dan peratusan (%). Hasil penelitian mendapati 95 orang responden atau 100% merupakan pelajar daripada jurusan pendidikan bahasa Melayu. Kajian ini melibatkan 16 orang pelajar lelaki atau 16.8% dan 79 orang pelajar perempuan atau 83.2%. Dapatkan kajian menunjukkan 95 orang pelajar atau 100% yang terlibat sebagai responden terdiri daripada pelajar yang berumur 20 tahun hingga 25 tahun. Dapatkan kajian juga mendapati 75 orang pelajar atau 78.9% mewakili bangsa Melayu, 1 orang pelajar atau 1.1% mewakili bangsa Cina, 15 orang pelajar atau 15.8% mewakili bangsa bumiputera Sabah dan 4 orang pelajar atau 4.2% mewakili bumiputera Sarawak.

### Objektif Kajian 1

Jadual 1 menunjukkan data bagi persepsi bakal guru terhadap kerjaya sebagai guru. Pandangan responden diperhatikan melalui kekerapan pilihan skala yang ditetapkan. Pada bahagian ini, pengkaji hanya menetapkan dua pilihan jawapan sahaja, iaitu Setuju dan Tidak Setuju. Hasil penelitian dibuat, responden dominan memilih pilihan jawapan Setuju berbanding Tidak Setuju bagi setiap soalan. Oleh itu, pengkaji membuat spekulasi bahawa semua responden dapat memahami soalan yang dinyatakan dan menjawab dengan baik.

Secara keseluruhan, hanya 3 daripada 12 soalan sahaja yang menunjukkan responden menyatakan rasa Tidak Setuju dengan jumlah peratusan kurang daripada 40%. Manakala 9 soalan lagi menunjukkan peratusan yang dominan kepada Setuju dengan jumlah peratus melebihi

68%. Dapatan kajian menunjukkan responden bersetuju dengan 10 pernyataan yang disediakan, iaitu P1, P2, P3, P4, P5, P7, P9, P10, P11 dan P12. Hanya dua pernyataan sahaja yang meraih kutipan tidak setuju daripada responden, iaitu bagi P6 dan P8. Hal ini menunjukkan pelajar mempunyai pandangan positif terhadap kerjaya sebagai guru.

#### JADUAL 1. Analisis persepsi bakal guru terhadap kerjaya sebagai guru

Bil.	Persepsi Bakal Guru Terhadap Kerjaya Sebagai Guru	Kekerapan (N) dan Peratusan (%)		Jumlah
		Setuju	Tidak Setuju	
P1	Profesional perguruan merupakan suatu pekerjaan yang mulia.	95 100.0%	- 100%	95
P2	Status guru dipandang tinggi oleh masyarakat.	95 100.0%	- 100%	95
P3	Profesional perguruan memberi peluang kepada saya untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.	93 97.9%	2 2.1%	95 100%
P4	Kerjaya sebagai guru adalah terjamin.	68 71.6%	27 28.4%	95 100%
P5	Profesional perguruan memberi peluang kepada saya untuk berpindah dari suatu tempat ke tempat yang lain.	76 80.0%	19 20.0%	95 100%
P6	Saya suka bekerja sebagai guru kerana mempunyai cuti yang panjang.	40 42.1%	55 57.9%	95 100%
P7	Persekutuan sekolah yang selesa menyebabkan saya memilih profesion perguruan sebagai kerjaya.	73 76.8%	22 23.2%	95 100%
P8	Saya akan mempunyai masa lapang yang panjang kerana waktu kerja yang singkat.	31 32.6%	64 67.4%	95 100%
P9	Saya memilih profesion perguruan kerana ia memang pilihan saya.	91 95.8%	4 4.2%	95 100%
P10	Saya memang suka menjadi seorang tenaga pengajar.	92 96.8%	3 3.2%	95 100%
P11	Saya memilih kerjaya sebagai guru kerana ingin mendapat gaji yang lumayan.	23 24.2%	72 75.8%	95 100%
P12	Kerjaya guru membolehkan saya berkongsi pandangan dengan rakan sekerja.	93 97.9%	2 2.1%	95 100%

Kata Kunci : P1 – Pernyataan 1, P2 – Pernyataan 2

Persepsi responden terhadap soalan-soalan tersebut ternyata positif iaitu dapat diperhatikan melalui jumlah kekerapan dan peratusan yang ditunjukkan. Berdasarkan jadual tersebut, soalan yang menunjukkan kecenderungan positif meraih sokongan setuju oleh responden manakala soalan yang menonjolkan sisi negatif pula meraih sokongan tidak setuju. Pandangan ini boleh dibuktikan melalui perbandingan pilihan jawapan oleh responden dalam P10 dengan P11. P1 berkenaan saya memang suka menjadi seorang tenaga pengajar meraih persetujuan seramai 92

orang atau 96.8%, manakala pilihan tidak setuju pula seramai 3 orang atau 3.2%. Bagi P11 pula berkenaan saya memilih kerjaya sebagai guru kerana ingin mendapat gaji yang lumayan memperoleh persetujuan seramai 23 orang atau 24.2% sahaja manakala responden memilih setuju seramai 72 orang atau 75.8%. Berdasarkan perbandingan dua pernyataan tersebut jelas menunjukkan perbezaan pilihan setuju dengan tidak setuju yang dipengaruhi oleh faktor jenis soalan.

#### Objektif Kajian 2

JADUAL 2 menunjukkan data bagi persepsi bakal guru terhadap peranan sebagai guru. Pada bahagian ini, pilihan jawapan mengikut 5 aras skala Likert, iaitu Sangat Setuju, Setuju, Tidak Pasti, Tidak Setuju dan Sangat Tidak Setuju. Setelah mendapatkan semula respons daripada semua responden, kajian telah meneliti, menganalisis, menyusun dan mengkategorikan tahap persetujuan responden terhadap soalan kajian kepada tiga peringkat, iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Responden yang menunjukkan kekerapan yang dominan bagi jawapan Setuju dan Sangat Setuju dikelaskan dalam pada tahap tinggi, manakala kekerapan yang dominan bagi jawapan Tidak Pasti, Tidak Setuju dan Sangat Tidak Setuju pula dilabelkan sebagai tahap rendah.

Hasil penganalisaan menunjukkan bahawa tahap persetujuan responden terhadap soalan kajian berada pada tahap yang tinggi. Buktinya, majoriti responden memilih Setuju dan Sangat Setuju pada setiap pernyataan. Semua peratusan bagi setiap pernyataan menunjukkan peratusan 50% ke atas. Hal ini secara tidak langsung membuktikan bahawa majoriti responden bersetuju dengan pernyataan yang diberikan.

Persepsi responden terhadap peranan guru menunjukkan pelajar mempunyai pengetahuan yang sangat baik berkenaan skop kerja seorang guru. Umumnya, seorang guru yang baik adalah seorang yang sentiasa mempersiapkan diri dengan ilmu pedagogi, kemahiran, teknik, psikologi pendidikan dan sebagainya. Tujuannya untuk melahirkan guru-guru yang kreatif dan kritis. Hasil penelitian memberikan gambaran akan kriteria responden di mana di peringkat pengajian lagi, mereka sudah mempersiapkan diri dengan ilmu berkenaan tugas-tugas yang bakal ditempuhi.

**JADUAL 2: Analisis persepsi bakal guru terhadap peranan sebagai guru**

Bil.	Persepsi Bakal Guru terhadap Peranan sebagai Guru	Kekerapan (N) dan Peratusan (%)					Jum.
		STS	TS	TP	S	ST	
P1	Tugas saya sebagai tenaga pengajar kepada pelajar sangat mencabar.	-	-	2	43	50	95
				2.1%	45.3%	52.6%	100%
P2	Saya akan melakukan segala tugas dan tanggungjawab dengan rela hati.	-	-	2	38	55	95
				2.1%	40.0%	57.9%	100%
P3	Saya bersedia untuk menempuh segala cabaran apabila bergelar guru kelak.	-	-	4	38	53	95
				4.2%	40.0%	55.8%	100%
P4	Guru boleh mendenda pelajar yang melanggar disiplin sekolah ketika pelajar berada di sekolah.	-	10	25	43	17	95
			10.5%	26.3%	45.3%	17.9%	100%
P5	Saya harus membuat segala persediaan sebelum masuk ke dalam kelas berbanding pekerjaan lain.	2	3	6	36	48	95
		2.1%	3.2%	6.3%	37.9%	50.5%	100%
P6	Saya akan membimbing pelajar dalam gerak kerja Kokurikulum berdasarkan pengalaman dan pengetahuan yang dimiliki.	-	-	2	45	48	95
				2.1%	47.4%	50.5%	100%
P7	Saya sanggup mengadakan kelas tambahan walaupun semasa cuti umum secara percuma.	1	-	9	50	35	95
		1.1%		9.5%	52.6%	36.8%	100%
P8	Saya bersedia untuk diberikan tanggungjawab mengajar matapelajaran di luar bidang yang diambil semasa di Universiti.	-	8	7	52	28	95
			8.4%	7.4%	54.7%	29.5%	100%
P9	Saya sanggup untuk bertugas di kawasan pedalaman.	1	3	9	53	29	95
		1.1%	3.2%	9.5%	55.8%	30.5%	100%
P10	Saya bersedia menghadiri kursus dalam perkhidmatan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran saya dalam pengajaran.	-	-	1	37	57	95
				1.1%	38.9%	60.0%	100%
P11	Sebagai seorang guru, saya bersedia melakukan tugas tambahan yang diperlukan.	-	-	4	46	45	95
				4.2%	48.4%	47.4%	100%

Di samping itu, pilihan jawapan responden ini juga berkemungkinan dipengaruhi oleh faktor pengalaman. Oleh itu, faktor persediaan diri dan

pengalaman berjaya mempengaruhi persepsi pelajar terhadap peranan sebagai guru.

**Objektif Kajian 3**

Jadual 3 menunjukkan keputusan persepsi bakal guru terhadap beban tugas guru. Penganalisaan data dipersembahkan dalam bentuk jumlah kekerapan dan peratusan. Pada bahagian ini, pengkaji menyediakan pilihan jawapan mengikut 5 aras skala Likert, iaitu Sangat Setuju, Setuju, Tidak Pasti, Tidak Setuju dan Sangat Tidak Setuju. Setelah mendapatkan semula respons daripada semua responden, kajian telah meneliti, menganalisis, menyusun dan mengkategorikan tahap persetujuan responden terhadap soalan kajian kepada tiga peringkat, iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Soalan yang berada pada tahap Tinggi pula merujuk kepada responden yang memilih pilihan jawapan Setuju dan Sangat Setuju. Seterusnya, soalan yang berada pada tahap rendah merujuk kepada responden yang memilih pilihan jawapan Tidak Pasti, Tidak Setuju dan Sangat Tidak Setuju. Tahap terakhir ialah sederhana merujuk kepada responden yang memilih pilihan jawapan Tidak Pasti dengan kadar kekerapan paling tinggi.

Hasil penelitian menunjukkan sebanyak 5 soalan berada pada tingkat rendah, 4 soalan menduduki tingkat tinggi dan 1 soalan mewakili tingkat sederhana. Soalan bagi P1, P4, P8 dan P10 menunjukkan tahap sokongan yang tinggi. Hal ini dibuktikan pada jumlah kekerapan dan peratusan melebih 53%. Soalan-soalan lain menunjukkan jurang persepsi yang agak tinggi di mana pilihan skala Likert yang seimbang.

Persepsi responden terhadap beban tugas guru juga menunjukkan pelajar mempunyai pengetahuan yang sangat baik berkenaan beban tugas seorang guru. Umum mengetahui akan peranan guru hari ini yang sudah jauh berbeza dengan zaman dahulu. Jika boleh digambarkan suatu ketika dahulu kaedah pengajaran guru lebih kepada guru bercakap dan anak murid hanya perlu duduk, mendengar dan mencatat perkara yang diperkatakan sahaja. Kini, peranan guru sudah berevolusi sebagai pemudah cara. Penglibatan murid perlu seiring dengan guru agar dapat mencapai pembelajaran yang lebih berkesan.

Sehubungan dengan itu, guru harus lebih peka dengan perkembangan terkini dan berperanan sebagai penggerak kepada pelajar agar menjadi seorang yang kreatif dan kritis. Tambahan pula, kejayaan seseorang pelajar itu bergantung kepada

bagaimana cara dan teknik yang digunakan oleh guru sepanjang pelajar berada di sekolah. Oleh itu, persediaan awal merupakan cara yang paling efisien untuk mengharungi cabaran apabila bergelar guru. Tidak dinafikan bahawa kebanyakan guru menghadapi tekanan akibat lambakan tugas, namun perkara boleh diatasi apabila guru sentiasa menanamkan matlamat, jati diri, minat dan memperoleh dorongan sepanjang proses perkhidmatan dalam profesi perguruan.

**JADUAL 3:** Analisis persepsi bakal guru terhadap beban tugas guru

Bil.	Persepsi Bakal Guru terhadap Beban Tugas sebagai Guru	Kekerapan (N) dan Peratusan (%)					Jum.
		STS	TS	TP	S	ST	
P1	Kemajuan teknologi mengurangkan beban tugas guru.	5 5.3%	11 11.6%	13 13.7%	40 42.1%	26 27.4%	95 100%
P2	Bilangan pelajar yang ramai dalam kelas membebankan guru.	15 15.8%	31 32.6%	22 23.2%	21 22.1%	6 6.3%	95 100%
P3	Tugas mengajar di luar bidang merupakan beban tugas guru.	11 11.6%	35 36.8%	21 22.1%	21 22.1%	7 7.4%	95 100%
P4	Peningkatan masalah disiplin pelajar menambahkan lagi beban tugas guru.	2 2.1%	11 11.6%	12 12.6%	50 52.6%	20 21.1%	95 100%
P5	Menjadi guru kelas menambahkan beban tugas guru.	27 28.4%	43 45.3%	17 17.9%	5 5.3%	3 3.2%	95 100%
P6	Penerapan kaedah PAK-21 menambahkan lagi beban tugas guru.	40 42.1%	46 48.4%	6 6.3%	2 2.1%	1 1.1%	95 100%
P7	Tugas sebagai guru penasihat persatuan/ kelab memerlukan saya mengawal selia perjalanan persatuan/ kelab supaya berjalan dengan lancar dan tidak membebankan tugas saya.	17 17.9%	42 44.2%	15 15.8%	16 16.8%	5 5.3%	95 100%
P8	Saya perlu mengorbankan hujung minggu dengan menyertai aktiviti yang diadakan di sekolah.	7 7.4 %	21 22.1%	14 14.7%	38 40.0%	15 15.8%	95 100%
P9	Beban tugas guru yang semakin bertambah menyebabkan guru mendera pelajar.	61 64.2 %	25 26.3%	6 6.3%	2 2.1%	1 1.1%	95 100%
P10	Kekurangan guru di sekolah akan membebankan tugas guru.	4 4.2%	10 10.5%	19 20.0%	41 43.2%	21 22.1%	95 100%

## PERBINCANGAN

### Persepsi Bakal Guru terhadap Kerjaya sebagai Guru

Hasil penelitian yang dibuat bagi objektif pertama, iaitu mengenal pasti persepsi bakal guru terhadap kerjaya sebagai guru, dapat disimpulkan bahawa pelajar sudah mempunyai pendedahan awal terhadap kerjaya sebagai guru. Hal ini dikatakan sedemikian kerana kajian melihat persepsi pelajar berdasarkan pilihan jawapan yang dipilih mereka. Hasil penelitian telah memberikan gambaran yang jelas kepada kajian ini tentang persepsi pelajar terhadap kerjaya perguruan ini. Malahan, persepsi yang diberikan menonjolkan kredibiliti bakal guru dan tahap motivasi yang tinggi untuk menjadi guru. Selain itu, seorang guru yang baik tidak akan mengambil mudah tentang profesion yang diminatinya dan cuba mempamerkan personaliti yang baik. Hal ini bersesuaian dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Othman dan Siti Zafirah (2010) mendapat aspek yang mendorong minat menjadi guru adalah aspek masyarakat. Keinginan pelajar untuk bergaul dengan masyarakat merupakan ciri-ciri guru seorang yang mempunyai personaliti sosial.

Selain itu, kepimpinan pemimpin sekolah mempunyai kesan sederhana kuat dan positif kepada perasaan dalaman dan motivasi guru, seterusnya mempengaruhi tingkah laku guru (Leithwood & Sun 2012). Kajian Baharin dan Suzana (2010) menyatakan bahawa pengetahuan guru pelatih terhadap kod etika profesion perguruan adalah penting dalam menjamin kewibawaan sesuatu profesion. Oleh itu, jelaslah bahawa pemilihan kerjaya sebagai guru ini dipengaruhi oleh sifat minat, persekitaran dan kredibiliti bakal guru itu sendiri.

### Persepsi Bakal Guru terhadap Peranan sebagai Guru

Berdasarkan objektif kedua, mengenal pasti persepsi bakal guru terhadap peranan sebagai guru, pengkaji mendapati pilihan jawapan yang diberikan oleh responden adalah sangat relevan dan sesuai dengan soalan-soalan yang dinyatakan. Tambahan pula, pilihan jawapan yang diberikan memberikan gambaran bahawa responden mempunyai pengetahuan umum dan pengalaman tentang profesi perguruan. Malahan, jawapan yang diberikan juga memberikan gambaran yang jelas kepada penyelidik akan tahap kesediaan

responden untuk menjadi seorang guru. Dapatkan ini selari dengan hasil kajian oleh Suhana et al. (2016) mendapati pengalaman yang diperoleh hasil program latihan mengajar sangat relevan dan memberikan kesan yang positif kepada guru pelatih khususnya kepada penguasaan kemahiran, amalan profesional dan perkembangan afektif pelajar. Jelasnya, jawapan-jawapan yang diberikan oleh responden ini berjaya menjawab persoalan seterusnya menepati objektif kajian yang diperlukan.

### **Persepsi Bakal Guru terhadap Beban Tugas Guru**

Berkenaan objektif ketiga, iaitu mengenal pasti persepsi bakal guru terhadap beban tugas guru, pengkaji mendapati pilihan jawapan yang diberikan oleh responden adalah sangat relevan dan sesuai dengan soalan-soalan yang diutarakan. Hal ini demikian kerana, dapatkan hasil analisis memberikan gambaran bahawa responden mempunyai tahap kesediaan yang tinggi untuk mengalas tugas dan tanggungjawab apabila bergelar guru kelak. Menurut Bridges dan Searle (2011), beban tugas akan memberi kesan kepada nilai moral, kepuasan kerja dan kualiti hidup peribadi seseorang. Oleh itu, pentingnya bagi seorang guru tersebut memperkemaskan diri dari segi tahap kesediaan, sahsiah dan pengetahuan untuk menjadi seorang pendidik yang berkarma, berwibawa, berkaliber dan mempunyai nilai tambah selaras dengan keperluan pendidikan semasa.

Kajian yang dijalankan oleh Sharifah (2014) menyatakan walaupun waktu bekerja guru tidak jelas sebagaimana jawatan lain, namun realitinya tugas guru melampaui waktu mengajar dan juga waktu persekolahan. Jelasnya, dapat disimpulkan bahawa jawapan yang diberikan oleh responden ini berjaya menjawab persoalan yang timbul dan seterusnya menepati objektif kajian.

Kesimpulannya, penelitian terhadap ketiganya objektif ini memberikan satu pencerahan kepada pengkaji bahawa pengalaman akan mendorong seseorang mengubah tabiat, minat seterusnya mendorong seseorang itu melaksanakan tugasnya lebih baik. Selain itu, apabila guru pelatih mempunyai pendedahan dalam dunia perguruan secara tidak langsung mengubah cara berfikir dan tindakan. Buktinya jelas dilihat dalam persepsi yang ditonjolkan dalam soalan kajian. Semua responden memberikan jawapan yang

menepati kriteria sebagai seorang guru yang berwibawa.

### **IMPLIKASI KAJIAN**

Hasil kajian menunjukkan perkembangan yang positif terhadap prespsi awal guru pelatih terhadap profesi perguruan. Hal ini sekali gus memberikan reaksi yang baik terhadap perkembangan pendidikan akan datang. Pengkaji menjangkakan agar kajian ini dapat memberi manfaat kepada dua golongan utama, iaitu pelajar dan ibu bapa. Tegasnya di sini pengkaji tidak meletakkan kajian ini sebagai rujukan atau sebagai kebergantungan utama kepada pelajar dan ibu bapa untuk memahami isu berkenaan profesion perguruan sahaja, sebaliknya kajian ini boleh dirujuk untuk memberi pendedahan awal berkaitan dunia pendidikan masa kini. Hal ini demikian kerana terdapat banyak lagi kajian yang lebih menfokuskan kepada isu-isu pendidikan semasa.

Profesi perguruan merupakan suatu bidang yang menjadi dambaan kepada pelajar yang menanam cita-cita sejak di bangku sekolah. Impian ini walau bagaimanapun tidak mampu dicapai sekiranya tidak disulami dengan tekad dan usaha. Melalui kajian ini, diharapkan dapat memberi dimensi baru kepada pelajar di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah mahupun di peringkat Universiti. Dalam kajian ini, pelajar boleh meliti aspek kerjaya, skop tugas dan beban tugas yang bakal ditempui sekiranya pelajar ingin menjadi seorang guru. Pendedahan ini sedikit sebanyak membantu pelajar untuk membuat penilaian kriteria diri, membuat persiapan dan merancang strategi yang berkesan untuk mencapai cita-cita yang diingini. Kajian yang dijalankan ini diharapkan dapat memberi pencerahan tentang profesion perguruan berdasarkan persepsi pelajar perguruan tentang dimensi pendidikan semasa. Di samping itu, kajian juga meletakkan harapan agar dapat memberi motivasi dan sokongan moral kepada pelajar yang sedang meneruskan pengajian dalam bidang pendidikan.

Tidak dinafikan bahawa berkat sokongan dan dorongan juga memainkan peranan yang penting dalam memacu perkembangan kerjaya anak-anak. Setiap ibu bapa pastinya menginginkan agar anak mereka memperoleh kejayaan dalam hidupnya. Dengan itu, mereka pasti menitikberatkan pilihan kerjaya anak-anak supaya tidak tersalah langkah. Melalui kajian ini, diharapkan penjaga anak-anak akan memahami persepsi guru pelatih terhadap kerjaya, tugas dan beban tugas seorang guru. Pada

bahagian dapatan kajian ini, ibu bapa boleh melihat faktor yang mempengaruhi pihian kerjaya, kesanggupan pelajar dalam menggalas tanggungjawab dan persepsi pelajar terhadap beban tugas seorang guru. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran awal pendidikan kini dan mengubah perspektif ibu bapa dalam membentuk generasi akan datang.

## KESIMPULAN

Berdasarkan hasil kajian ini, profesion perguruan merupakan suatu bidang yang mencakupi skop yang amat luas. Sebagai bakal guru, persediaan dari aspek pengetahuan, pemahaman, ketahanan mental dan fizikal, penguasaan terhadap bidang dan sebagainya perlu diperkemas sebelum memasuki alam perkerjaan. Tujuannya supaya bakal guru dapat memberikan suntikan nafas baharu dalam arena pendidikan seterusnya membawa sinar kecemerlangan kepada pelajar-pelajar di sekolah kelak. Oleh itu, kepentingan untuk mengetahui dan memahami konsep profesion perguruan secara mendalam penting supaya bakal guru dapat membuat persediaan, mempraktikkan etika perguruan dan membuat perancangan yang terbaik untuk menghadapi pelbagai karenah pelajar, rakan sejawat, pengurusan pentadbiran, ibu bapa dan sebagainya.

Persedian tersebut penting agar mereka dapat berinteraksi dengan pelajar dan masyarakat dengan lebih dekat selain membantu pelajar bukan sahaja dari segi akademik malahan juga mampu membina akhlak dan sahsiah yang terpuji. Hal ini demikian kerana, pendidikan hari ini jauh berbeza daripada zaman dahulu, iaitu kerjaya guru dianggap mendapat jaminan tempat dalam sektor kerajaan tidak lagi relevan masa kini. Para graduan perlu bersaing untuk mendapatkan tempat dalam sektor kerajaan. Oleh itu, keupayaan bakal guru untuk mengukuhkan ilmu dan kemahiran dituntut seiring dengan kepentingan pendidikan yang cemerlang di dalam negara.

## RUJUKAN

- Abdullah Yusoff, Tan Siew Poh & Roslan Idris. (2019). *Aktiviti Bahasa Berlandaskan Kurikulum Panduan Guru Aliran Perdana, Prasekolah dan Pendidikan Khas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahim Hamdan, Ahmad Johari Sihes, Jamaluddin Ramli & Rosliza Hamzah. (2001). Persepsi guru terhadap profesion

perguruan masa kini: Satu tinjauan di tiga buah sekolah di Daerah Pasir Mas, Kelantan. *Seminar JPPG*. Kota Kinabalu Sabah.

Aflit Nuryulia Praswati. (2014). Analisis Faktor-Faktor yang mempengaruhi Minat Wira Usaha di kalangan mahasiswa: Studi kasus di Fakultas Ekonomi dan Bisnis Universitas Muhammadiyah Surakarta. Seminar Nasional and Call For Paper (Sancall 2014): Research Methods and Organizational Studies, 10 Julai 2014, Indonesia.

Aniza Ahmad & Zamri Mahamod. (2015). Tahap kemahiran guru Bahasa Melayu sekolah menengah dalam melaksanakan pentaksiran berdasarkan sekolah berdasarkan jantina, opsyen dan tempat mengajar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5 (1), 18-25.

Arzizul Antin & Dg. Norizah Ag. Kiflee @ Dzulkifli. (2018). Pengaruh beban tugas dan motivasi terhadap keefisienan kerja guru sekolah menengah di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 3 (2), 77-84.

Azita Abdul Rahim. (2012). Beban tugas guru sekolah menengah di Daerah Batu Pahat, Johor Darul Takzim. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Azizi Yahaya, Jamaludin Ramli & Mazeni Ismail. (2010). Stres dalam kalangan guru sekolah menengah di empat buah negeri di Malaysia. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 25, 103-136.

Baharin Abu & Suzana Mamat @ Muhammad. (2010). Pengetahuan etika profesion perguruan dalam kalangan guru pelatih 4SPH Fakulti Pendidikan UTM. 1-6. Universiti Teknologi Malaysia.

Bryan, C. (2010). *Successful Teaching*. 7th Edition. Jordan Hill: Heinmann Publishers

Bridges, S., & Searle, A. (2011). Changing workloads of primary school teachers: I seem to live on the edge of chaos. *School Leadership & Management*, 31 (5), 413-433.

Crotwell, W.G. (2011). Elementary school teachers' experience of professional workload and time. Ph.D Thesis. Walden University.

Chaudhry, A. A., Malik, M. I. & Ahmad, I. (2011). Examining the relationship of work-life conflict and employee performance: A case from Nadra, Pakistan. *International Journal of Business and Management*, 6 (10), 62-80.

Evronne Lai Eng Fei & Crispina Gregory K. Han. (2019). Pengaruh iklim sekolah, komitmen

- guru, motivasi guru dan kepuasan kerja guru terhadap prestasi kerja guru: Satu kajian rintis. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4 (25), 53-62.
- Iskani. (2017). *Skala Guttman Secara Tradisional (cross sectional)*. Jakarta: Penerbit Revisi.
- Leithwood, & Sun, J. P. (2012). The nature and effects of transformational school leadership: A meta-analytic review of unpublished research. *Educational Administration Quarterly*, 48 (3), 387-423.
- Makaramani, R. (2015). 21st century learning design for telecollaboration project. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 191, 622 - 627.
- Mazura Sulaiman & Wak Chu Wok. (2018). Tinjauan tentang pengetahuan dan penerimaan terhadap pengajaran berbeza dalam kalangan siswa pendidik program ijazah sarjana muda perguruan. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2018*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mispua Hassan. (2015). Keberkesanan pembelajaran berasaskan projek terhadap pencapaian pelajar dan kemahiran abad ke-21 dalam pembelajaran biologi. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Aizat Abu Hassan & Kamarudin Musa. (2020). Tahap profesionalisme guru sekolah kebangsaan di Semenanjung Malaysia. *Management Research Journal*, 9 (2), 37-45.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Shaffie Abu Bakar. (1991). *Metodologi Penyelidikan*. Edisi Ke-2. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nardi, Peter. M. (2018). *Doing Survey Research: A Guide To Quantitative Methods*. Oxfordshire: Routledge.
- Norazlinda Saad & Surendran Sankaran. (2019). Kelestarian pembangunan profesionalisme guru dalam pembelajaran sepanjang hayat. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 22, 11-22.
- Norashid Othman & Hamzah Md.Omar. (2014). Beban tugas dan motivasi pengajaran guru di sekolah menengah Daerah Ranau. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 5, 35-57.
- Nor Hadibah Hushaini, Zulkifli Osman & Anida Sarudin. (2020). Pelaksanaan amalan terbaik pengajaran Bahasa Melayu dalam kalangan guru sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10 (1), 1-13.
- Nurlina Mohd Puad, Mohd Daud Awang & Ahmad Nasir Mohd Yusoff. (2018). Etika dan Tanggungjawab pendidik dalam profesion perguruan dan cabaran pendidik masa kini. *Jurnal AL-ANWAR*, 6 (2), 43-52.
- Othman Md. Johan & Siti Zafirah Mohd Ilias. (2010). Faktor-Faktor yang mempengaruhi pemilihan profesion perguruan di kalangan pelajar Tahun 4 Perdana Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan, UTM. 1-8. Universiti Teknologi Mara.
- Ros Eliana Ahmad Zuki & Norhanan M.Fadzillah. (2017). Faktor minat guru pelatih dalam bidang Perguruan Pendidikan Teknik dan Vokasional. *Jurnal Personalia Pelajar*, 20 (2), 29-36.
- Saedah Siraj & Mohammed Sani Ibrahim. (2012). Standard kompetensi guru Malaysia. Dimuat turun daripada <http://www.fp.utm.my/ePusatSumber/listsemarnar/medc2012/pdf/159.pdf> [21 Julai 2021]
- Sakaran, U. (2003). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. 4th Edition. New York: John Wiley & Sons.
- Sharifah Shafie. (2014). Beban tugas, kemahiran pengurusan bengkel dan tekanan kerja dalam kalangan guru Kemahiran Hidup Bersepadu dalam negeri Kedah. Tesis Master. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Sidek Baba. (2011). *Tajdid Ilmu dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Techknowlogic Trading Sdn Bhd.
- Siregar, E. (2011). Pengaruh motivasi kerja, kinerja individual dan sistem kompensasi finansial terhadap kepuasan kerja guru SMPK BPK PENABUR Bintaro Jaya Jakarta. *Jurnal Pendidikan Penabur*, 16, 81-93.
- Suhana Mohamed Lip, Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, Suziana Hanini Sulaiman & Mohd Faeez Ilias. (2016). Kesan latihan mengajar terhadap perubahan sikap dari perspektif guru pelatih Diploma Perguruan. *Conference Paper International Conference on Islamic Education and Research (ICIER 2016)*, 27-28 Disember, Langkawi.
- Warren S. Torgerson. (1958). *Theory and Methods of Scaling*. New York: John Wiley and Sons.
- Weiner, J. (2007). *Measurement: Reliability and Validity Measures*. Boston: Johns Hopkins Bloomberg, School of Public Health.

- Zamri Mahamod & Anita Abdul Rahman. (2020). *Profesional Keguruan dan Pembangunan Insan.* (Pnyt.) Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod, Jamalullail Abdul Wahab & Mohammed Sani Ibrahim. (2011). *Transformasi dan Inovasi dalam Pendidikan.* (Pnyt.). Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zuhaili Mohd Arshad & Ramlee Mustapha. (2017). Hubungan antara beban tugas dengan efikasi diri dan kepuasan kerja pensyarah di Kolej Vokasional. *Sains Humanika*, 9, 35-43.